

|            |                      |             |                     |
|------------|----------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Inovasi taraf global |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro         |             |                     |
| Date       | 26 Apr 2017          | Color       | Full Color          |
| Section    | Setempat             | Circulation | 179,231             |
| Page No    | 16                   | Readership  | 537,693             |
| Language   | Malay                | ArticleSize | 152 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Nursyahirah Marzuki  | AdValue     | RM 5,988            |
| Frequency  | Daily                | PR Value    | RM 17,964           |



# Inovasi taraf global

## ■ MPSepang PBT pertama raih pingat emas Pameran Reka Cipta Antarabangsa Geneva 2017

Nursyahirah Marzuki  
am@hmetro.com.my

### Cyberjaya

**M**ajlis Perbandaran Sepang (MPSepang) sekali lagi mengukir sejarah apabila menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negara ini berjaya memenangi pingat emas di Pameran Reka Cipta Antarabangsa

Geneva 2017.

Yang Dipertuanya Datuk Puasa Md Taib berkata, pencapaian itu diterima hasil daripada inovasi Aedes Bio Based Fuel (ABBF) yang dihasilkan pihaknya dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

“Pada Januari lalu, kita sudah menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai PBT pertama menggunakan biodiesel

untuk semburan asap (fogging) untuk membasmi nyamuk aedes.

“Kali ini MPSepang sekali lagi berjaya membawa hasil inovasi ABBF ke peringkat antarabangsa dan membawa pulang pingat emas,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelepasan Ikan sempena Pertandingan Memancing 2017 anjuran MPSepang di Taman Tasik Cyberjaya di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan

Yang Dipertua MPSepang Muhammad Hafiz Shaari.

Sementara itu, Puasa berkata, Pertandingan Memancing 2017 anjuran MPSepang yang akan diadakan di Taman Tasik Cyberjaya, di sini pada 13 Mei ini menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM40,000.

Menurutnya, sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai pertandingan ini, orang ramai boleh menghubungi urus setia di talian 03-83190200/0300, 016-6685564 (Azly); 0172125325 (Helmi) dan 0173666660 (Moktar).